

Tuduhan *Nifaq* Terhadap Sahabat Tha'labah Bin Hatib al-Ansariy: Satu Penilaian Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah

The Allegations of *Nifaq* to Tha'labah Bin Hatib al-Ansariy: An Assessment Based on the Quran and the Sunnah

MOHD NAZRI AHMAD
MUHD NAJIB ABDUL KADIR
HAZIYAH HUSSIN

ABSTRAK

Resapan unsur-unsur tidak sihat seperti Israiliyyat, hadis Da'if dan Maudu' telah mendominasi ruang-ruang kosong kitab-kitab tafsir. Resapan-resapan tersebut bukan sahaja melibatkan kisah-kisah umat terdahulu. Bahkan mencabuli kehormatan individu-individu berperibadi mulia seperti para Rasul terdahulu dan sahabat-sahabat Nabi SAW yang telah dipelihara dan dimuliakan oleh Allah sendiri dalam al-Qur'an. Tha'labah bin Hatib al-Ansariy RA adalah salah seorang individu yang telah dilibatkan dalam konspirasi ini. Tuduhan munafiq terhadap seorang sahabat yang pernah mendampingi Rasulullah SAW dan turut serta dalam perang Badar seperti Tha'labah ini perlu dinilai secara ilmiah dan adil. Para pembaca, pengkaji dan penggemar ilmu Tafsir tidak seharusnya menelan bulat-bulat sajian yang dihidangkan oleh ulama-ulama tafsir dalam kitab-kitab mereka. Ini kerana kitab-kitab tafsir bukanlah rujukan yang boleh dipercayai sepenuhnya untuk menilai kesahihan sesuatu riwayat. Dalam hal ini, Imam Ahmad bin Hanbal berkata: Tiga perkara yang tidak bersanad iaitu; al-Tafsir, al-Maghaziy dan al-Malahim (Ibn Taimiyah 1426h/2005m. 13: 346). Oleh itu, setiap riwayat yang melanggar etika perundungan al-Quran dan al-Sunnah yang sahih perlu dinilai secara intelek dan tidak mengabaikan amanah ilmiah.

Kata kunci: Tha'labah Bin Hatib Al-Ansariy; munafiq; perang Badar

ABSTRACT

Diffusion unhealthy elements like Israiliyyat, tradition has dominated Da'if and Maudu' empty spaces of Tafsir. The diffusions is not only the stories of previous nations. Even violate the sanctity of the glorious individuals such as the past Apostles and the Prophet's Companions who are protected and honoured by Allah in the Qur'an. Tha'labah bin Hatib al-Ansariy RA was one of the individuals that had been involved in this conspiracy. Charges of hypocrisy against a friend who used to accompany Rasulullah SAW and participate in the battle of Badr as Tha'labah should be evaluated scientifically and fairly. The readers, researchers and enthusiasts of Tafsir knowledge should not fully take and accept which were served by the scholars of tafsir in their scriptures. This is because the books of tafsir are not fully reliable reference to assess the validity of the Tradition of the Prophet. In this regard, Imam Ahmad bin Hanbal said: Three things without narration namely al-Tafsir, al-Maghaziy and al-Malahim (Ibn Taymiyah 1426h/2005m. 13: 346). Thus, each narration that violates the principles and ethics of Quran and authentic Sunnah need to be assessed intellectually without ignoring the scientific reliance.

Keywords: Tha'labah Bin Hatib Al-Ansariy; hypocrisy ; battle of Badr

PENDAHULUAN

Para sahabat Nabi SAW merupakan generasi manusia terbaik. Mereka hidup pada zaman kegembiran tamadun manusia dan mendapat tarbiah al-Rabbaniyyah yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan perdampingan mereka dengan Nabi SAW telah meletakkan mereka sebagai generasi unggul yang mendapat pendidikan terus daripada institusi kenabian. Kehidupan mereka sentiasa dipenuhi

aktiviti dan amalan demi mencari keredaan Allah SWT. Amalan harian mereka adalah terlalu jauh dari mencetuskan sifat dan amalan kefasikan apatah lagi kemunafikan. Mereka telah mendapat jaminan keredaan daripada Allah SWT. Allah SWT telah mengabadikan dalam al-Qur'an tentang perkara ini dalam firman-Nya:

وَالسَّبِقُونَ الْأُولُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالذِّينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَدْ لَهُمْ

جنت تجري تحتها الأنهر خلدين فيها أبداً ذلك
الغور العظيم.

Maksudnya: Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula reda akan dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar (al-Qur'an, al-Taubah 9:100).

Allah SWT juga menjelaskan tentang kelebihan golongan Muhajirin dan Ansar dalam firman-Nya:

للقراء المهـجرـين الذين أخـرـجـوا من دـيـرـهـم وـأـمـوـلـهـمـ
يـتـغـوـنـ فـضـلاـ مـنـ اللهـ وـرـضـوـانـاـ وـيـنـصـرـونـ اللهـ وـرـسـولـهـ.
أـوـلـئـكـ هـمـ الصـدـقـونـ. وـالـذـينـ تـبـوـءـ الدـارـ وـالـإـيمـانـ مـنـ
قـبـلـهـمـ يـحـبـونـ مـنـ هـاـجـرـ إـلـيـهـمـ وـلـاـ يـجـدـونـ فـيـ صـدـورـهـمـ حـاجـةـ.
مـاـ أـوـتـواـ وـيـؤـثـرـونـ عـلـىـ أـنـفـسـهـمـ وـلـوـ كـانـ بـهـمـ خـاصـاـةـ.
وـمـنـ يـوـقـ شـحـ نـفـسـهـ فـأـوـلـئـكـ هـمـ الـمـفـلـحـونـ.

Maksudnya: (Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam) untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaan-Nya, serta menolong (agama) Allah dan Rasul-Nya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya). Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak pula dalam hati mereka perasaan berkehendak kepada apa yang telah diberikan kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka lah orang-orang yang berjaya (al-Quran, Al-Hashr 59: 8-9).

Kelebihan para Sahabat RA juga telah dijelaskan oleh Nabi SAW dalam hadisnya:

خـيـرـ الـقـرـونـ قـرـيـنـ ؟ ثـمـ الـذـينـ يـلـوـخـمـ ثـمـ الـذـينـ يـلـوـخـمـ

Maksudnya: Sebaik-baik generasi adalah mereka yang hidup pada zamanku, kemudian orang-orang yang selepas mereka, kemudian orang-orang yang selepas mereka.

Berdasarkan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah jelas menggambarkan bahawa generasi sahabat adalah bersih daripada sebarang

penyelewengan akidah. Tuduhan *nifaq* terhadap sahabat Nabi SAW memberi impak yang tinggi terhadap kedudukan generasi terunggul ini. Secara tidak langsung, ia telah memberi kesan terhadap keautoritian dua sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana para sahabat adalah penyambung risalah daripada Nabi SAW. Mempertikaikan kewibawaan para sahabat bererti membuka satu ruang untuk mempertikaikan kesahihan sesuatu yang telah disampaikan oleh mereka.

Antara persoalan yang sering bermain dalam pemikiran pencinta al-Quran ialah apakah semua maklumat, laporan dan catatan yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir yang sampai ke tangan pembaca hingga kini dikira tepat, muktamad dan tidak perlu dinilai semula? Adakah segala fakta dan bahan yang termuat dalam sumber-sumber bacaan tafsir al-Quran itu sudah menepati kehendak interpretasinya sebagai tafsir kepada umat Islam yang diredayai oleh Allah? Atau terdapat banyak resapan-resapan yang tidak sihat dan pencemaran-pencemaran tertentu yang telah menutupi kemurnian wajah ilmu tafsir sepanjang zaman ini. Dan perlukah ia disemak semula?

Oleh itu, tulisan ini akan menyingkap konspirasi terhadap sahabat Tha'labah bin Hatib al-Ansariy RA yang telah dikecam sebagai munafiq. Adakah riwayat-riwayat yang berkaitan Tha'labah ini berautoriti untuk dijadikan sebagai hujah, atau periyawatannya telah melalui jalur-jalur yang tercemar dan tidak boleh diterima sebagai syariat yang diredayai oleh Allah SWT. Al-Quran al-Karim telah menetapkan garis panduan terhadap umat Islam dalam menilai sesuatu berita. Ini dapat dilihat dalam firman Allah:

يـأـيـهـاـ الـذـينـ آـمـنـواـ اـنـ جـاءـ كـمـ فـاسـقـ بـنـاءـ فـتـبـيـنـواـ أـنـ تـصـبـيـوـاـ
قـوـمـاـ بـجـهـلـةـ فـتـصـبـحـوـاـ عـلـىـ مـاـ فـعـلـمـ نـدـمـيـنـ.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan (al-Quran, al-Hujurat 49: 6).

Oleh itu, penilaian secara ilmiah perlu dilakukan bagi menilai ketepatan maklumat ini untuk memastikan kehormatan seseorang sahabat yang pernah mendampingi Nabi SAW, menyaksikan penurunan wahyu dan berjihad bersama Nabi SAW dalam perang Badar ini tidak dicabuli.

Kisah Tha'labah ibn Hatib merupakan kisah yang diaplikasikan dalam tafsiran ayat 75 surah al-Taubah. Para mufassirun menjadikannya sebagai penjelasan

asbab al-Nuzul terhadap ayat ini, iaitu firman Allah Taala:

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لِئَنْ أَتَانَا مِنْ فَضْلِهِ لِنَصْدِقُنَّ
وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الظَّالِمِينَ.

Maksudnya: Dan di antara mereka ada yang telah membuat janji kepada Allah (dengan berkata): Sesungguhnya jika Allah memberikan kepada kami dari limpah kurnia-Nya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang salih (al-Quran, al-Taubah 9: 75).

Antara penyumbang terhadap populariti kisah Tha'labah ini boleh disimpulkan seperti berikut:

1. Riwayat Tha'labah ini didatangkan dalam acuan penceritaan dan penglipur lara yang menarik minat pendengar dan sukar untuk dilupakan oleh mereka.
2. Kebanyakannya ulama tafsir yang berautoriti dalam bidang ini menyalurkan riwayat Tha'labah ke dalam kitab-kitab mereka tanpa membuat sebarang kritikan dan penjelasan dari sudut kesahihannya.
3. Penceramah dan khatib kerap menjadikan riwayat Tha'labah ini sebagai daya tarikan kepada pendengar terutamanya ketika memperkatakan tentang tajuk yang berkaitan dengan orang yang enggan mengeluarkan zakat.

BIODATA THA'LABAH IBN HATIB

Nama beliau ialah Tha'labah ibn Hatib ibn 'Amr ibn 'Ubaid ibn Umayyah ibn Zaid. Ibunya bernama Umamah binti al-Samit ibn Khalid ibn 'Atiyyah ibn Haut ibn Habib ibn 'Amr ibn 'Auf. Anak-anak beliau ialah 'Ubaidillah, 'Abdullah dan 'Umair ibn Tha'labah. Ibu mereka berketurunan daripada Bani Waqif. Walaupun begitu Rifa'ah, 'Abd al-Rahman, 'Iyad dan 'Umairah ibn Tha'labah, ibu mereka bernama Lubabah binti 'Aqbah ibn Bashir daripada Ghatfan (Ibn Sa'd. Tabaqat al-Kubra. T.th. 3: 460).

KEDUDUKAN THA'LABAH MENURUT PANDANGAN ULAMA SIRAH

Ibn Hibban menyebut dalam *al-Thiqat*: Tha'labah ibn Hatib adalah sahabat yang turut serta dalam perang Badar dan wafat pada zaman Saiyyidina 'Uthman RA (Ibn Hibban 1395h/1985h. 3: 36). Al-Baghawi dalam kitabnya *Mujam al-Sahabat*, telah mengemukakan riwayat dengan sanadnya daripada Ma'an ibn Rifa'ah

daripada 'Ali ibn Yazid bahawa Tha'labah berkata: Ya Rasulullah! Berdoalah supaya Allah murahkan rezeki terhadapku. Lalu Nabi SAW menjawab: 'Harta sedikit yang engkau syukuri lebih baik daripada harta yang banyak tetapi engkau tidak mampu untuk mensyukurinya.' (Al-Baghawi 1421H/2000M 1: 419). Al-Tabraniy menjelaskan bahawa Tha'labah ibn Hatib adalah seorang Ansar dan turut serta dalam perang Badar (Al-Tabraniy 1404H/1983M. 2: 82).

Ibn Hazm menjelaskan bahawa Tha'labah adalah daripada kalangan Bani Umayyah ibn Zaid dan turut serta dalam perang Badar (Ibn Hazm 1424H/2003M. 2: 334). Ibn al-Athir menyebut: Tha'labah ibn Hatib ibn 'Amr ibn 'Ubaid ibn Umayyah ibn Zaid adalah seorang Ansar dan berketurunan Aus dan turut serta dalam perang Badar (Ibn al-Athir T.th. 1: 284-285).

Berdasarkan fakta dan sumber di atas, jelas menunjukkan bahawa Tha'labah bin Hatib adalah seorang sahabat Rasulullah SAW dari kalangan Ansar dan pernah berjuang bersama Rasulullah SAW dalam peperangan Badar.

SANAD HADIS TENTANG THA'LABAH

Hadis tentang Tha'labah diriwayatkan melalui tiga jalur sanad berikut:

Riwayat Pertama:

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ سَعْدٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي قَالَ حَدَّثَنِي عُمَيْرٌ
قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَمْرِي عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِيهِ عَبَّاسٍ قَوْلُهُ : وَمِنْهُمْ مَنْ
عَاهَدَ اللَّهَ لِئَنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ الْآيَةُ وَذَلِكَ أَنْ رَجُلًا يَقَالُ
لَهُ: ثَعْلَبَةُ بْنُ حَاطِبٍ مِنَ الْأَنْصَارِ أَتَى مَجْلِسًا فَأَشْهَدَهُمْ
فَقَالَ: لِئَنْ آتَانِي اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ أَتَيْتُ مِنْهُ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ
وَتَصْدَقَتْ مِنْهُ وَوُصِّلَتْ مِنْهُ الْقِرَابَةُ فَابْتَلَاهُ اللَّهُ فَآتَاهُ مِنْ
فَضْلِهِ، فَأَخْلَفَ اللَّهُ مَا وَعَدَهُ وَأَغْضَبَ اللَّهُ بِمَا أَخْلَفَ مَا
وَعَدَهُ فَقَصَّ اللَّهُ شَأْنَهُ فِي الْقُرْآنِ: وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ...
الْآيَةُ إِلَى قَوْلِهِ: يَكْذِبُونَ.

(Al-Tabariy 1404h/1984m 6: 425; Ibn Abi Hatim T.th. 5: 71 dan al-Baihaqiy 1414h/1994m. 5: 289).

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas berkaitan firman Allah SWT:

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لِئَنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ...الْآيَةُ

Ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki yang bernama Tha'labah ibn Hatib daripada kalangan Ansar yang datang ke sebuah majlis dan telah bersaksi di hadapan mereka dengan berkata: Sekiranya

Allah memberi limpah kurnianya kepada aku, aku akan berikannya kepada setiap yang berhak, aku akan bersedekah dan aku akan gunakannya untuk menyambung silaturrahim dengan kaum kerabat. Lalu Allah SWT mengujinya dengan melimpahkan rezeki kepadanya, tetapi beliau telah mengingkari janji dan Allah murka terhadapnya, maka kisahnya disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran.

Hadis ini diriyat daripada jalur (*tariq*) keluarga ^cAtiyyah al-^cAufi. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta^cdil* adalah seperti berikut:

1. Muhammad bin Sa^cd bin Muhammad bin al-Hasan bin ^cAtiyyah bin Sa^cd bin Janadah atau Abu Ja^cfar al-^cAufi.
 - a. Muhammad bin Sa^cd dihukum *da^cif* oleh *al-Khatib* (Al-Dhahabiy 1405h/ 1985m, 2: 584).
2. Nama penuh beliau ialah al-Husain bin al-Hasan bin ^cAtiyyah Abu ^cAbdullah al-Aufi.
 - a. Al-Imam Yahya ibn Ma^cin ketika ditanya; “Adakah kamu menulis riwayat daripada Husain”? Jawab Yahya ibn Ma^cin; “Tidak”. Ibn al-Junaid, al-^cUqailiy dan Ibn ^cAdiy menukilkan daripada Yahya ibn Ma^cin mengatakan bahawa Husain bin al-Hasan adalah *da^cif* (Al-^cAsqalaniy 1406H/1986M 2: 278; Al-Haithamiy 1412 7: 345).
3. ^cAtiyyah bin Sa^cd bin Janadah al-^cAufi) Al-^cUqailiy 1404, 3: 359; Al-Majruhin min al-Muhaddithin 1396H, 2: 176; Al-Kamil fi al-Tarikh 1403Hh, 5: 2007; Al-Dhahabiy t.th 3: 79; Al-^cAsqalaniy, Tahdhib al-Tahdhib t.th, 7: 224; Al-^cAsqalaniy, Taqrib al-Tahdhib t.th 2: 24).
 - a. Al-Imam Ahmad ibn Hanbal berkata: *Da^cif al-Hadis* (Al-^cAsqalaniy T.th 2: 24).
 - b. Ibn Hibban mengkritik beliau dengan mengatakan bahawa beliau sengaja *mentadliskan* hadis. Tambahnya lagi, tidak halal berhujah dan menulis hadisnya kecuali disebabkan hairan dan pelik dengan sikapnya (Al-Dhahabiy T.th. 3: 79).
 - c. Al-Nasai berkata: *Da^cif* (Al-^cUqailiy 1404. 3: 359).
 - d. Ibn Sa^cd berkata: Beliau adalah seorang yang *thiqah-Insya Allah*. Dia mempunyai hadis yang baik dan diterima. Ada di antara mereka yang tidak berhujah dengan hadisnya (Ibid).
 - e. Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Beliau *Saduq* dalam hadis tetapi banyak silap dan *mentadliskan* hadis (Al-^cAsqalaniy T.th. 7: 224).

Kesimpulannya, hadis yang diriyatkan dengan sanad yang pertama ini adalah *Da^cif* kerana kesemua perawinya adalah *Da^cif*. Bahkan sebahagiannya terlalu *Da^cif*.

Riwayat Kedua:

حدثني المثنى قال حدثنا هشام بن عمار قال حدثنا محمد بن شعيب قال حدثنا معان بن رفاعة السلمي عن أبي عبد الملك علي بن يزيد الألهاني أنه أخبره عن أبي أمامة الباهلي عن ثعلبة بن حاطب الأنباري: أنه قال لرسول الله صلى الله عليه وسلم: أدع الله أن يرزقني مالا. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: وبحكمك يا ثعلبة، قليل تؤدي شكره خير من كثير لا تطيقه. قال: ثم قال مرة أخرى، فقال: أما ترضى أن تكون مثل نبي الله، فوالذي نفسي بيده لو شئت أن تسير معي الجبال ذهبا وفضة لسارت. قال: والذي يبعث بالحق لئن دعوت الله فرزقني مالا لأعطيك كل ذي حق حقه. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: اللهم ارزق ثعلبة مالا. قال فاتخذ غنما فنمته كما ينمون الدود فضاقت عليه المدينة فتحتى عنها فتل واديا من أو ديتها حتى جعل يصلى الظهر والعصر جماعة ويترك ما سواهما. ثم نمت وكثرت فتحتى حتى ترك الصلوات الا الجمعة، وهي تنموا كما ينمو الدود حتى ترك الجمعة. فطفق يتلقى الركبان يوم الجمعة يسألهم عن الأخبار، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ما فعل ثعلبة؟ فقالوا يا رسول الله، اتخذ عنما فضاقت عليه المدينة. فأخربوه بأمره فقال: يا ويح ثعلبة! يا ويح ثعلبة! يا ويح ثعلبة! قال وأنزل الله: خذ من أموالهم صدقة. ونزلت عليه فرائض الصدقة فبعث رسول الله صلى الله عليه وسلم رجلين على الصدقة رجلا من جهينة ورجلا من سليم، وكتب لهم كيف يأخذان الصدقة من المسلمين وقال لهم: مرا بالثعلبة وبفلان رجل من بنى سليم فخذدا صدقائهما فخرجا حتى أتيا ثعلبة فسألاه الصدقة وأقرآه كتاب رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: ما هذه الا جزية ما هذه الا أخت الجزية. ما أدرى ما هذا انطلقا حتى تفرغا ثم عودا الي. فانطلقوا وسمعا بما المسلمين فنظر الى خيار أنسان ابله فعز لها للصدقة ثم استقبلهم بما. فلما رأوها قالوا: ما يجب عليك هذا وما نريد أن نأخذ هذا منك. قال: بل فخدوه فان نفسى بذلك طيبة واما هي لي. فأخذناو منه. فلما فرغوا من صدقائهما رجعوا حتى

مرا بشعلبة فقال: ... وهلك ثعلبة في حلافة عثمان رحمة الله عليه. (الطبرى) (6:426)

Maksudnya: Daripada Tha'labah bin Hatib al-Ansari: Beliau berkata kepada Rasulullah SAW: Berdoalah kepada Allah supaya aku dimurahkan rezeki. Lalu jawab Rasulullah SAW:rezeki sedikit yang disyukuri itu lebih baik daripada banyak yang tak mampu disyukuri. Tha'labah meminta didoakan pada kali yang lainnya lalu Rasulullah SAW berkata: Apakah engkau tidak reda menjadi seperti Nabi Allah. Demi Tuhan yang diriku ditangan-Nya, kalau aku mahu bukit emas dan perak berjalan bersama-sama aku, tentu ia berjalan bersama aku. Tha'labah berkata: Demi Tuhan yang mengutusmu dengan kebenaran, seandainya kamu berdoa kepada Allah dan aku mendapat rezeki, aku akan berikan kepada mereka yang berhak. Lalu Rasulullah SAW berdoa dengan berkata: Ya Allah! Berikanlah rezeki kepada Tha'labah. Kata Tha'labah: lalu dia memelihara kambing, kambingnya cepat membiak seperti ulat, memandangkan di Madinah kawasannya sempit untuk menampung bilangan kambing yang banyak, lalu dia pergi ke kawasan perlumbahan Madinah, ini telah menyebabkan beliau tidak sempat berjemaah kecuali Zuhur dan Asar sahaja, namun kambingnya terus membiak dan berkembang, ini telah menyebabkan beliau berpindah ke lembah yang baru hingga tidak sempat berjemaah lagi kecuali Jumaat. Kambingnya terus membiak hingga akhirnya Tha'labah meninggalkan sembahyang Jumaat. Dia cuba bertemu dengan orang yang lalu lalang pada hari Jumaat untuk bertanyakan khabar kepada mereka. Rasulullah SAW bertanya: Apakah yang dilakukan oleh Tha'labah? Mereka menjawab: Wahai Rasulullah! Dia memelihara kambing hingga memenuhi kawasan Madinah. Mereka menceritakan kepada Rasulullah SAW tentang urusan Tha'labah. Lalu Nabi SAW berkata: ... Dia berkata: مَنْ أَمْوَالُهُمْ صَدْقَةٌ تَطْهِيرٌ هُمْ وَتَزْكِيَّهُمْ هَا turun ke atasnya kewajipan sedekah. Lalu Rasulullah SAW mengutus dua orang lelaki untuk memungut zakat, seorang daripada Juhainah manakala seorang lagi daripada Bani Sulaim. Baginda telah menjelaskan kepada dua lelaki tersebut tentang cara mengutip zakat daripada orang Islam. Nabi berkata kepada keduanya: Suruhlah Tha'labah dan lelaki daripada Bani Sulaim supaya membayar zakat. Mereka keluar bertemu Tha'labah dan meminta zakat daripadanya sambil mereka membaca surat arahan daripada Rasulullah SAW, lalu Tha'labah menjawab: Tidaklah semua ini kecuali cukai! Tidaklah semua ini kecuali saudara cukai! Aku tak tahu apa ini! Lalu kedua-dua amil ini pergi hingga selesai tugas mereka, kemudian mereka kembali semula kepada aku. Lepas itu mereka pergi dan al-Sulamiy mendengar berita kedatangan mereka, lalu ia melihat kepada unta-unta yang mempunyai gigi yang baik lalu diasingkan untuk sedekah (zakat). Kemudian ia menemui mereka. Apabila mereka melihatnya mereka berkata: Apakah ini diwajibkan ke atas kamu? Kami tak mau mengambilnya. Jawab al-Sulami: Ambillah! Aku serahkan

dengan rela hati, ia adalah hak aku. Lalu mereka pun mengambilnya. Setelah dua amil ini selesai menjalankan tugas mereka, dalam perjalanan pulang mereka lalu di depan Tha'labah, dan Tha'labah berkata kepada mereka: Tunjukkan surat kamu berdua! Ketika melihat surat itu beliau berkata: Tidaklah ini melainkan saudara Jizyah! Kamu pergi dulu biar aku berfikir! Lalu kedua amil pergi meninggalkan Tha'labah dan bertemu dengan Nabi SAW. Apabila Baginda SAW melihat kepulangan mereka berdua Baginda berkata sebelum bercakap apa-apa dengan mereka: Wahai celaka Tha'labah, dan dalam masa yang sama Baginda SAW berdoa dengan keberkatan untuk al-Sulami. Lalu kedua amil ini menceritakan kepada baginda SAW apa yang telah dilakukan oleh Tha'labah dan al-Sulami. Maka turunlah ayat tentang Tha'labah.

Ketika itu, di sisi Rasulullah SAW terdapat seorang lelaki yang merupakan kaum kerabat Tha'labah yang telah mendengar tentang cerita Tha'labah ini, lalu dia pun bergegas pergi bertemu Tha'labah dan berkata: Celaka engkau wahai Tha'labah. Sesungguhnya Allah telah menurunkan ayat terhadap engkau begini begini. Lalu Tha'labah pergi berjumpa Nabi SAW dan meminta supaya Nabi SAW menerima zakatnya. Lalu Nabi SAW menjawab: Sesungguhnya Allah melarang aku daripada menerima zakatmu. Ini telah membuatkan Tha'labah menabur tanah di atas kepalanya sendiri. Rasulullah SAW berkata: Ini kerja kamu, kamu tidak taat kepada perintah aku. Apabila Rasulullah SAW enggan untuk menerima zakatnya lalu beliau pulang ke rumah. Sehinggalah Rasulullah SAW wafat dan Baginda tidak menerima apa-apa pemberian Tha'labah. Ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA, Tha'labah datang bertemu beliau dan berkata: Engkau tahu kedudukan aku di sisi Rasulullah SAW dan tempatku dalam kalangan orang-orang Ansar. Terimalah sedekah aku! Abu Bakar menjawab: Adakah aku akan menerima sesuatu yang tidak diterima oleh Rasulullah SAW. Akhirnya Abu Bakar RA wafat dalam keadaan tidak menerima sedekah Tha'labah. Ketika pemerintahan Khalifah 'Umar al-Khattab RA, Tha'labah datang bertemu dan berkata: Wahai Amirul mu'minin! Terimalah sedekahku ini. Jawab 'Umar RA, Adakah aku akan menerima sesuatu yang tidak diterima oleh Rasulullah SAW dan Saiyyidina Abu Bakar al-Siddiq. Akhirnya Saiyyidina 'Umar wafat dalam keadaan tidak menerima sedekah Tha'labah. Selepas Saiyyidina 'Uthman dilantik menjadi Khalifah, Tha'labah datang bertemu dan meminta supaya diterima sedekahnya, lalu jawab 'Uthman RA: Adakah aku akan menerima sesuatu yang tidak diterima oleh Rasulullah SAW, Abu Bakar dan 'Umar RA, Saiyyidina 'Uthman menolak sedekah tersebut. Akhirnya Tha'labah

binasa di zaman Khilafah ḨUthman RA (Al-Tabariy 1405H/1984M. 6: 426).

Hadis ini diriwayatkan daripada jalur Ma'an bin Rifa'ah daripada Yazid al-Alhani. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* adalah seperti berikut:

Penjelasan Sanad Hadis:

1. Ma'an bin Rifa'ah al-Sulami al-Dimashqi (Al-'Uqayliy 1404H, 4: 256; Ibn al-Athir 1403H, 6: 2329; Al-Dhahabi t.th, 4:134; Al-'Asqalaniy t.th Al-Tahdhib, 10: 201; Al-'Asqalaniy t.th, Al-Taqrib, 2: 258).
 - a. ḨAli bin al-Madiniy dan Duha'im menghukumnya dengan *thiqah* (Al-'Asqalaniy T.th. 4:10: 201).
 - b. Imam Ahmad, Muhammad bin 'Auf dan Abu Daud mengatakan: *Lies به بأس*
 - c. Al-Duri menaqlakan daripada Ibn Ma'in: Beliau adalah *Da'if* (Ibid).
 - d. Abu Hatim al-Razi berkata: Hadisnya ditulis tetapi tidak dijadikan hujah (Al-Dhahabiyy T.th. 4: 134).
 - e. Al-Jaujazaniy berkata: Hadis beliau tidak dijadikan hujah (Ibn al-Athir 1403. 6: 2329).
 - f. Ya'qub bin Sufyan berkata: *Da'if* hadis (Ibid).
 - g. Ibnu 'Adiy berkata: Secara umum periyatannya tidak ada *mutab'ahah*, al-'Uqailiy mengategorikannya dalam senarai perawi-perawi *da'if*, dinaqlakan juga bahawa Ibnu Ma'in menghukumnya sebagai *da'if* (Ibid).
2. ḨAli bin Yazid al-Alhaniy al-Shami (Al-Bukhariy 1426H/2005M. no: 255; Ibn Hibban 1396H. 2: 110; Al-Mizan 3: 161; Al-'Asqalaniy T.th 7: 396; Al-Haithamiy 1967. 7: 32).
 - a. Al-bukhari berkata: Munkar al-Hadis, ada kalanya *da'if* dan ada ketikanya beliau mengatakannya dengan; dihukumkan *da'if* (Ibid).
 - b. Al-Tirmidhi berkata: Beliau dipertikaikan oleh sebahagian ahli ilmu dan menghukumkannya dengan *da'if* (Al-'Asqalaniy t.th. 7: 396).
 - c. Al-Nasai berkata: Hadis ditinggalkan (Ibid).

Kesimpulannya, sanad hadis ini yang terdiri daripada riwayat Abu Umamah al-Bahili, Ma'an bin Rifa'ah, ḨAli bin Yazid, al-Qasim bin 'Abd al-Rahman, dan al-Qasim meriwayatkan hadis ini secara tunggal daripada Abu Umamah, ḨAli bin Yazid pula meriwayatkan secara tunggal daripada al-Qasim dan

Ma'an meriwayatkannya secara tunggal daripada ḨAli bin Yazid, maka hadis ini terlalu mungkar kerana penunggalan daripada perawi-perawi tersebut tidak diterima (Addab Mahmud 1406h/1986m. 73).

Ahmad Shakir berkata: Hadis ini terlalu *da'if*, tidak ada riwayat lain yang menyokongnya, sebahagian perawinya pula ada yang terlalu *da'if* (Al-Tabariy 1405H/1984M. 6: 427).

Riwayat Ketiga:

حدثنا ابن حميد قال حدثنا سلمة عن بن اسحاق عن عمرو بن عبيد عن الحسن: ومنهم من عاهد الله لئن آتانا من فضله.... الآية، وكان الذي عاهد الله منهم: ثعلبة بن حاطب، ومعتب بن قشیر وهم من بني عمرو بن عوف

Maksudnya: Daripada al-Hasan; firman Allah ﷺ. وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ ... الْآيَة Antara mereka yang berjanji dengan Allah SWT ialah Tha'labah bin Hatib dan Mu'attab bin Qushair. Kedua-duanya adalah daripada Bani 'Amr bin 'Auf (Al-Tabariy 1405H/1984M. 6: 427).

Hadis ini diriwayatkan daripada jalur Ibn Humayd bin Hayyan daripada Salamah bin al-Fadl daripada Muhammad bin Ishaq daripada Amr bin Ubaid. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* adalah seperti berikut:

1. Ibn Humayd: Nama beliau Muhammad bin Humayd bin Hayyan-Abu 'Abdullah- al-Razi al-Hafiz (Al-'Uqaili 1404H. 4: 61).
 - a. al-Bukhariy mengatakan Ibn Humayd adalah perawi yang dipertikaikan. Abu Zar'ah tidak akan meriwayatkan hadis daripada Ibn Humayd (Al-'Uqaili 1404H. 4: 61).
2. 'Amr bin 'Ubaid bin Bab Abu 'Uthman al-Basriy al-Mutaziliy al-Qadariy (Al-Dhahabiyy 1419H/1998M. 1: 172; Al-Dhahabi t.th. 3: 469).
 - a. Yahya Ibnu Ma'in berkata: Tidak dicatat hadisnya.
 - b. al-Nasai berkata: Hadisnya ditinggalkan.
 - c. Al-Daraqutni berkata: *Da'if*.
 - d. Ibn Hajar berkata: Beliau mengajak manusia kepada bid'ahnya dan mendapat tohongan daripada jamaah ulama (Al-Dhahabi t.th. 3: 469).

Kesimpulannya, apabila kita mengambil pendapat mereka yang *mutashaddid* tentang 'Amru bin 'Ubaid, maka hadis ini dihukumkan sebagai maudu' yang telah dipalsukan oleh beliau ke atas al-Hasan al-Basri.

Berdasarkan riwayat-riwayat yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa kisah Tha'labah bin

Hatib tidak thabit dengan hadis yang sahih. Kesemua riwayat tentang Tha'labah adalah *da'iif* dan ada antaranya terlalu *da'iif*. Hadis di atas juga bertentangan dengan nas-nas yang *Qat'i* daripada al-Quran dan al-Hadis. Oleh itu, tuduhan *nifaq* terhadap seorang sahabat yang pernah turut serta bersama Nabi SAW dalam perang Badar ini adalah wajib ditolak. Apakah lagi apabila tuduhan tersebut dilontarkan kepada sahabat Nabi SAW yang telah dijelaskan kedudukan dan ketinggian mereka oleh Allah SWT dalam al-Quran.

SEBAB MENGAPA KISAH THA'LABAH PERLU DITOLAK

Pertama: Bertentangan dengan nas al-Quran dan Hadis Sahih tentang kelebihan para sahabat

Allah SWT telah menjelaskan tentang kelebihan dan kemuliaan para sahabat serta jaminan keredaan terhadap mereka dalam al-Quran. Contohnya:

وَالسَّابِقُونَ الْأُولُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ
اتَّبَعُوهُم بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَدْ لَهُمْ
جَنَّتٍ تَحْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلَدِينَ فِيهَا أَبَدًا. ذَلِكَ
الْفَوزُ الْعَظِيمُ.

Maksudnya: Dan orang-orang yang terdahulu yang mulamula (berhijrah dan memberi bantuan) dari antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar (al-Quran, al-Taubah 9: 100).

وَالَّذِينَ عَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ
آتَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ
كَرِيمٌ.

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah) merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenarnya. mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia (al-Quran, al-Anfal 8: 74).

لِلْفَقِيرِاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِنْ دِيْرِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ
يَتَغُونُ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرَضُونَا وَيُنَصِّرُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ

هم الصدقون. والذين تبوء الدار والآيسن من قبلهم
يحبون من هاجر اليهم ولا يجدون في صدورهم حاجة
ما أوتوا ويؤثرون على أنفسهم ولو كان لهم خصاصة
ومن يوق شح نفسه فأولئك هم المفلحون.والذين جاءوا
من بعدهم يقولون ربنا أغر لنا ولاخوننا الذين سبقونا
بالآيسن ولا تجعل في قلوبنا غلا للذين ظلموا ربنا إنك
روعف رحيم.

Maksudnya: (Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan dari harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam) untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaan-Nya serta menolong (agama) Allah dan RasulNya. mereka Itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya). Dan orang-orang (Ansar) yang telah mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka. dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berkehendak kepada apa yang telah diberikan kepada orang-orang yang berhijrah itu. dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekilipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka orang orang yang berjaya. Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka berkata: Wahai Tuhan kami, ampunkanlah bagi kami dan bagi Saudara-saudara kami yang mendahului kami dengan iman dan janganlah Engkau menjadikan dalam hati kami perasaan hasad dan dendam terhadap orang-orang yang beriman; Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmatMu (al-Quran, al-Hasyr 59: 8-10).

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يَبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعِلْمَ
مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَشْبَهُمْ فَتَحَا قَرِيبًا.

Maksudnya: Demi sesungguhnya Allah reda akan orang-orang yang beriman ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiah). Maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membala mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya (al-Qur'an, al-Fath 48: 18).

Seperti yang telah dijelaskan bahawa Tha'labah adalah sahabat yang ikut serta dalam perang Badar, dan mereka adalah golongan yang diberikan keistimewaan khusus oleh Allah SWT Ini dapat dilihat didalam hadis Nabi SAW antaranya:

عن حفصة قالت: قال النبي صلی الله عليه وسلم: إن لأرجو ألا يدخل النار أحد إن شاء الله تعالى من شهد بدرًا والحدبية.

(Ibn Majah, t.th, 2: 1430; 4281. Al-Tirmidhi, 1410H/1990M, 10: 248: 4120. Hadis ini dinilai Sahih oleh al-Shaikh al-Albaniy).

Maksudnya: Daripada Hafsa: Nabi SAW bersabda: Aku berharap tidak akan masuk neraka-jika dikehendaki oleh Allah- seseorang yang ikut serta dalam perang Badar dan Hudaibiyyah.

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلی الله عليه وسلم لعمر ابن الخطاب: وما يدركك لعل الله اطلع على أهل بدر فقال: اعملوا ما شئتم فقد غفرت لكم.

(Muslim, t.th, 8: 56. Al-Tirmidhi, 1410H/1990M, 9: 140: 3524. Abu Daud, 1410H/1990M, 4: 224: 2647).

Maksudnya: Daripada Ali bin Abu Talib RA, Nabi SAW berkata kepada ^cUmar al-Khattab RA: Apakah yang memberitahu kamu bahawa ia mesti dibunuh? Mudah-mudahan Allah bertemu dengan ahli-ahli Badar dan berkata: "Lakukanlah apa yang kamu suka, sesungguhnya aku telah mengampunkan kamu."

Berdasarkan firman Allah dan perakuan nyata daripada Rasulullah SAW terhadap setiap individu para sahabat ini, cukup untuk membuktikan bahawa mereka bukanlah manusia biasa yang bergelumang dengan dosa-dosa keji dan sifat-sifat *madhmumah* yang biasanya terdapat pada orang-orang yang kurang iman. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bererti mereka tidak pernah melakukan kesilapan kerana mereka bukanlah *maksum*. Tetapi, mengaitkan generasi yang dijamin keredhaan oleh Allah SWT ini dengan kesilapan besar yang menjerumuskan mereka ke kancang kemunafikan adalah sesuatu yang mustahil.

Kedua: Pengakuan ulama hadis dan tafsir tentang keda^cifan riwayat hadis.

Antara ulama hadis dan tafsir yang telah memberi peringatan tentang kebatilan riwayat hadis tersebut ialah:

1. Al-Baihaqiy dalam *Dalail al-Nubuwwah*. Al-Baihaqiy berkata: Hadis Tha^clabah ini merupakan hadis yang masyhur dikalangan *Mufassirin* dan diriwayatkan secara *Mausul* dengan sanad yang *Da^cif* (Al-Baihaqiy t.th, 5: 375).
2. Ibn Hazm dalam kitabnya *al-Muhalla*. Setelah mengemukakan hadis berkaitan Tha^clabah ini,

beliau mengkritik: Tidak syak lagi bahawa kisah ini adalah satu kebatilan. Allah SWT telah menyuruh Nabi SAW dan Khalifah-khalifah selepasnya supaya mengambil zakat daripada harta orang-orang Islam. Rasulullah SAW juga menegaskan bahawa baginda tidak akan membiarkan semenanjung Arab didiami selain daripada orang Islam. Seandainya Tha^clabah bin Hatib kafir seperti yang difahami dalam riwayat-riwayat tersebut, sudah tentu beliau tidak dibenarkan menetap di Madinah. Oleh itu, Tha^clabah bin Hatib adalah seorang Muslim dan Sahabat Rasulullah SAW yang telah menunaikan zakat kepada khalifah Abu Bakr dan ^cUmar RA (Ibn Hazm t.th, 11: 208).

3. Al-^cIraqiy dalam *Takhrij Ahadis Ihya'* (Al-^cIraqiy 1406h/1986m, 3: 287).
4. Ibn al-Athir dalam *Usd al-Ghabah* (Ibn al-Athir t.th, 1: 151).
5. Al-Haithamiy dalam *Majma^c al-Zawa'id*. Selepas menyebut riwayat tentang Tha^clabah, beliau berkata: Hadis ini dihukum *Da^cif* oleh al-Hafidh al-Dhahabiyy di dalam *Mizan al-I'tidal*, Al-Hafidh Ibn Hajar di dalam *Takhrij Ahadis al-Kashshaf* mengatakan sanad hadis ini *Da^cif Jiddan*. Kisah ini telah dihukum batil oleh ulama *Mutaqaddimin* dan *Muta'akhhirin* seperti Ibn Hazm di dalam *al-Muhalla*, al-Qurtubiyy di dalam *Tafsir al-Jami^c li Ahkam al-Qur'an*, al-^cIraqiy di dalam *Takhrij Ahadis al-Ihya'* dan al-Suyutiyy di dalam *Asbab al-Nuzul* (Al-Haithamiy 1412H, 7: 107).
6. Ibn Hajar al-^cAsqalaniy dalam *Takhrij Ahadis al-Kashshaf* (Al-Asqalaniy t.th, 2: 279).
7. Al-Hafiz al-Suyuti dalam kitab *Lubab al-Nuqul* (Al-Suyuti t.th, 115).
8. Al-Muhaddith Ahmad Muhammad Shakir dalam *ta^cliqnya* terhadap *Tafsir al-Tabariy* (Al-Tabariy 1420H/2000M, 14: 371).
9. Al-Shaikh al-Muhaddith Muhammad Nasir al-Din al-Albaniy dalam *Silsilah Ahadis al-Da^cifah wa al-Maudu^cah* (Al-Albaniy 1422H/2001m, 9: 78-81).
10. ^cIsam bin ^cAbd al-Muhsin al-Hamidan dan Kamal Basyuniy Zaghlul dalam *ta^cliq* mereka terhadap *Asbab Nuzul al-Qur'an al-Wahidiy al-Naisaburiy* (Al-Hamidan 1412H/1992M, 252; Kamal Basyuniy Zaghlul 1411H, 257).
11. ^cAbd al-Rahman bin Ma^cla al-Luwaihiq dalam *ta^cliqnya* terhadap *Tafsir Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir al-Kalam al-Mannan* oleh ^cAbd al-Rahman al-Sa^cdiiy (^cAbd al-Rahman al-Luwaihiq 1420H/2000M, 1: 345).

12. Mustafa Wahbah al-Zuhailiy dalam kitabnya *al-Tafsir al-Wasit* (Al-Zuhailiy, 1422H, 1: 891).
13. Al-Qurtubiy dalam Tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Setelah menyebut riwayat tersebut beliau mengkritik: Tha'labah ialah seorang sahabat yang pernah ikut serta dalam perang Badar dan merupakan seorang Ansar, keimanannya disaksikan oleh Allah dan Rasulnya. Oleh itu apa yang diriwayatkan berkaitan dengan Tha'labah adalah tidak sahih (Al-Qurtubiy 1408H/1988M, 4: 133).
14. Al-Shaikh Rashid Rida telah menyebut riwayat Tha'labah dalam tafsirnya secara lengkap. Lalu beliau mengkritik dengan berkata: Terdapat beberapa persoalan dalam hadis ini tentang sebab turun ayat (iaitu ayat 75 Surah al-Taubah) persoalan juga timbul apabila taubat Tha'labah tidak diterima. Sedangkan berdasarkan zahir hadis, taubat Tha'labah adalah taubat yang sebenar kerana beliau menangis ketika bertaubat. Sepatutnya beliau dilayan seperti layanan secara zahir yang diberikan terhadap golongan *Munafiqun*. Zahir hadis juga menjelaskan bahawa beliau mati dalam keadaan *munafiq* dan tidak bertaubat daripada sifat bakhilnya? Dan bahwasanya Nabi SAW dan Khalifah-khalifahnya melayan beliau dengan layanan begitu (iaitu enggan menerima zakat Tha'labah), bukan dilayan berdasarkan zahir syari'at. Ini merupakan sesuatu yang tiada bandingan di dalam Islam (Muhammad Rashid bin Ali Rida 1990 10: 484).
15. Al-Hafiz Ibn Kathir telah meriwayatkan kisah Tha'labah seperti lafaz yang diriwayatkan al-Imam al-Tabraniy tanpa membuat sebarang ulasan (Ibn Kathir 1408H/1988M, 2: 357-358). Nasir al-Din al-Albaniy berkata: Hadis Tha'labah ini telah diserapkan oleh Ibn Kathir ke dalam Tafsirnya tanpa membuat ulasan. Namun beliau meriwayatkan hadis ini dengan sanad yang lengkap daripada Ma'an bin Rifa'ah. Ini adalah sebagai isyarat bahawa hadis ini *ma'lul*. Muhammad 'Ali al-Sabuniy seolah-olah terperangkap dengan sikap Ibn Kathir ini. Beliau telah mentashihkan riwayat Tha'labah ini dalam kitabnya *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir* kerana menyangka bahawa Ibn Kathir juga menghukum hadis ini sebagai Sahih (Al-Albaniy 1422H/2001, 9: 81).

Ketiga: Keceluaran riwayat tentang sebab turun ayat 75 Surah al-Taubah.

Terdapat keceluaran (اضطراب) tentang sebab turun ayat 75 surah al-Taubah ini. Sebahagian riwayat mengatakan ayat ini diturunkan kepada Tha'labah bin Hatib. Ada juga yang mengatakan ayat ini diturunkan kepada Hatib bin Abi Balta'ah. Riwayat yang lain pula mengatakan ayat ini diturunkan kepada tiga lelaki *Munafiq* iaitu; Nabtal bin al-Harith, Jadd bin Qais dan Mu'attib bin Qushair (Al-Qurtubiy 1408H/1988M, 4:133). Kesemua riwayat-riwayat tersebut adalah *Da'if* dan tidak boleh dijadikan hujah ('Addab Mahmud al-Hamsh 1406H/1986M, 85).

KESIMPULAN

Al-Imam Muslim berkata di dalam Muqadimah kitab Sahihnya: "Ketahuilah! Mudah-mudahan kamu diberi taufiq oleh Allah. Sesungguhnya setiap Muslim berkewajipan mengetahui perbezaan antara riwayat-riwayat yang Sahih dan *Da'if*, dan perawi-perawi yang *Thiqah* dan yang ditozhmah. Adalah haram ke atasnya meriwayatkan sesuatu hadis kecuali setelah ia mengetahui kesahihan sumbernya dan tutupan-tutupan yang terdapat pada perawinya. Hendaklah ia menjauhi periwayatan daripada perawi-perawi yang ditozhmah dan pelaku-pelaku *bid'ah* yang tegar (Muslim t.th. 1: 7). Oleh itu, setiap orang Muslim perlu berhati-hati dalam menerima sesuatu riwayat terutamanya yang menyentuh keperibadian para sahabat Nabi SAW.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
 Shaikh 'Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1995. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Cetakan ke-12. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwah Islam Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.
- Al-Albaniy, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 1425H. *Silsilah al-Ahadiyah al-Da'iyyah wa al-Maudu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Alusiy, Abu al-Fadl Shahab al-Din al-Sayyid Mahmud. 1405H/1985m. *Ruh al-Ma'aniyah fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab'u al-Mathaniy*. Beirut Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-'Asqalaniy, Ahmad bin Hajar Abu al-Fadl. 1406H/1986m. *Lisan al-Mizan*. Cetakan ke-3. Bairut: Muassasah al-'Aclamiy li al-Matbu'ah, Bairut.
- _____. T.th. *Taqrib al-Tahdhib*. Dairah al-Ma'arif al-Nizamiyyah, India.
- Al-Baghawiy, Abu al-Qasim 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abd al-'Aziz bin Marzuban bin Sabur bin Shahanshah. 1421H/2000M. *Mu'jam al-Sahabah*.

Tahqiq: Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Jakniy. Kuwait: Maktabah Dar al-Bayan al-Kuwait.

Al-Baihaqiy, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa Abu Bakr al-Baihaqiy. 1414h/1994m. *Al-Sunan al-Kubra*.

Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata. Makkah: Maktabah Dar al-Baz, Makkah al-Mukarramah.

Al-Daraqutniy, Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas'ud bin Nu'man bin Dinar al-Baghdaqiy. 1405h/1985m. *'Ilal al-Daraqutniy*.

Tahqiq: Mahfuz al-Rahman Zain Allah al-Salafiy. Riyad: Dar al-Tayyibah.

Al-Dhahabiy, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. 1405h/1985m. *Al-Mughniy fi al-Du'afa'*. Riyad: Dar al-Ma'arif Riyad.

_____ 1419h/1998m. Tadhkirah al-Huffaz. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Bairut.

_____ T.th. Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal. Bairut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Ghazaliy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1406h/1986m. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Abi Hatim, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Idris al-Raziy al-Hanzaliy. T.th. *Tafsir Ibn Abi Hatim*. Saida: Al-Maktabah al-'Asriyyah.

Ibn al-Athir, 'Iz al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Jazariy. T.th. *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*. Dar al-Fikr.

_____ 1403h. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Cet ke-4. Dar al-Kitab al-'Arabi. Bairut.

Ibn Hazm al-Andalusiy, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id. 1424h/1983m. *Jamharah Ansab al-'Arab*. Cetakan ke-3. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir. 1408h/1988m. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Kaherah: Dar al-Hadis.

Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimiyy al-Bastiyy. 1395h/1985m. *Al-Thiqat*. Dar al-Fikr.

_____ 1396h. *Kitab al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Dar al-Wa'y Halb.

Ibn Sa'd, Muhammad bin Sa'd bin Mani' al-Zuhriy al-Basriy. T.th. *Al-Tabaqat al-Kubra*. Bairut: Dar Beirut.

Ibn Taimiyyah, Taqiy al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taimiyyah. 1426H/2005M. *Majmu' Fatawa*. Cetakan ke-3. Tahqiq: Anwar al-Baz. Dar al-Wafa.

Al-'Iraqiy, Zain al-Din Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 1408h/1988m. *Al-Mughniy 'an Himl al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ahya' min al-Akhbar*. Kaherah: Dar al-Hadis, al-Qahirah.

Al-Haithamiy, Nur al-Din 'Ali bin Abu Bakr bin 'Umar Abu al-Hasan. 1967. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawaid*. Bairut: Dar al-Fikr.

Muslim, Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy al-Naisaburiy. T.th. Sahih Muslim. Dar Ihya' al-Turath.

Al-Tabariy, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabariy. 1405h/1984m. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Dar al-Fikr, Bairut, Lubnan.

Al-'Uqailiy, Abu Ja'far Muhammad bin 'Amr bin Musa al-Makki. 1404h. *Kitab al-Du'afa' al-Kabir*. Tahqiq: 'Abd al-Mu'tiy Qal'ajiy. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

*Mohd Nazri Ahmad
Muhd Najib Abdul Kadir

**Haziyah Husin

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.

MALAYSIA

* m_nazri@ukm.my

** haziyah@ukm.my, hazy_hussin@yahoo.com